

KOD ETIKA PERNIAGAAN MAJLIS DAERAH BERA

Kod Etika Perniagaan Majlis Daerah Bera ini digubal sebagai panduan rasmi untuk memastikan semua urusan dijalankan dengan penuh integriti, ketelusan, dan tanggungjawab. Kami beriltizam untuk menjadi rakan strategik yang beretika, adil, dan profesional dalam setiap kerjasama. Harapan kami agar semua rakan niaga turut mengamalkan prinsip yang sama, demi membina hubungan perniagaan yang saling menghormati, berdaya saing, dan memberi manfaat kepada rakyat serta Daerah Bera secara keseluruhannya.

1. INTEGRITI DAN KETELUSAN

Semua urusan perniagaan mesti dijalankan dengan jujur, tanpa sebarang bentuk rasuah atau salah guna kuasa. Keputusan dibuat berdasarkan fakta, merit, dan kepentingan awam dan bukannya kepentingan peribadi.

2. ANTIRASUAH

Pemberian atau penerimaan suapan, hadiah, atau faedah yang boleh mempengaruhi keputusan rasmi adalah dilarang sama sekali selaras dengan dasar integriti governans dan antirasuah dan polisi hadiah Majlis Daerah Bera.

3. AKAUNTABILITI & TANGGUNGJAWAB

Semua rakan niaga hendaklah mengamalkan persaingan yang sihat dan telus dalam urus niaga perolehan seperti melaporkan secara jujur dan tepat semua maklumat perniagaan serta tiada pakatan atau persetujuan dengan mana-mana rakan niaga yang lain bertujuan mengurangkan saingan dalam perolehan.

4. KEADILAN & KESAKSAMAAN

Tiada diskriminasi atau layanan istimewa kepada mana-mana pihak dalam proses perolehan, tender atau kerjasama. Semua pihak diberi peluang yang sama berdasarkan kelayakan dan keupayaan yang ditetapkan.

KOD ETIKA PERNIAGAAN

MAJLIS DAERAH BERA

5. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

Peraturan dan polisi Majlis Daerah Bera berkuat kuasa semasa hendaklah dipatuhi dan diterima pakai oleh semua yang mengurus niaga dengan Majlis Daerah Bera. Rakan niaga juga hendaklah mematuhi terma dan syarat yang dipersetujui dalam perjanjian yang ditandatangani.

6. KONFLIK KEPENTINGAN

Semua warga Majlis Daerah Bera dan rakan niaga yang mempunyai percanggahan kepentingan dalam sesuatu urusan niaga hendaklah seberapa segera memaklumkan kepada pihak pengurusan Majlis Daerah Bera sama ada sebelum atau selepas sesuatu pelantikan atau pemilihan. Percanggahan kepentingan ini perlu direkodkan secara bertulis.

7. KERAHSIAAN & KESELAMATAN MAKLUMAT

Maklumat rasmi kerajaan mesti dilindungi daripada kebocoran atau penyalahgunaan. Penggunaan data untuk kepentingan peribadi atau pihak ketiga tanpa kebenaran adalah dilarang sama sekali.

8. PEMBAYARAN PEMUDAH CARA (FACILITATION PAYMENT)

Pembayaran pemudah cara adalah pembayaran yang tidak sah atau tidak rasmi dibuat sebagai balasan untuk perkhidmatan yang berhak diterima oleh pembayar secara sah tanpa membuat pembayaran tersebut. Semua warga Majlis Daerah Bera tidak boleh menawarkan, berjanji, memberi, meminta atau menerima apa-apa yang boleh dianggap sebagai bayaran pemudah cara dalam apa jua bentuk. Rakan niaga boleh melaporkan kepada Unit Audit Dalam dan Integriti Majlis Daerah Bera sekiranya terdapat permohonan pembayaran pemudah cara daripada mana-mana warga Majlis Daerah Bera.